

Serbu 22 lokasi pembalakan haram

Sinar Harian 17/2/2021 n/s 28

Jabatan Perhutanan Terengganu rampas balak, jentera dalam Ops Katang

FOTO: IHSAN JABATAN PERHUTANAN TERENGGANU

Oleh RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Jabatan Perhutanan Terengganu berjaya merekodkan nilai keseluruhan rampasan RM228,070 dalam Ops Katang yang berakhir pada Ahad.

Pengarahnya, Roslan Rani berkata, nilai rampasan berkenaan hasil kejayaan lima kes kesalahan hutan yang dikesan sepanjang tempoh operasi tersebut berlangsung sejak dua minggu lalu.

"Daripada kelima-lima kes tersebut, kami berjaya merampas pelbagai spesies kayu termasuk jaras dan balak dengan anggaran nilai berjumlah RM58,070 termasuk dua buah jentera jenis excavator dan sebuah lori berjumlah RM170,000.

"Menerusi operasi ini juga, kami turut mengesan tujuh kawasan pencerobohan baharu



Lebih 50 batang pokok jaras dan balak pelbagai spesies cuba dicuri di hutan tanah kerajaan di Dungun pada 5 Februari lalu. Gambar kecil: Roslan.

dan lama meliputi Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan, Hutan Simpan Gunung Tebu dan Hutan Simpan Hulu Nerus," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Mengulas lanjut, Roslan berkata, sepanjang operasi bersepadu itu, tumpuan melibatkan 22 lokasi *hotspot* pembalakan haram di Hutan Simpanan Kekal selain merangkumi semakan di tanah kerajaan, semakan dalam transit dan semakan di kilang industri berasaskan kayu (IBK) di seluruh negeri itu.

Katanya, operasi bersepadu

yang dilancarkan pada 1 Februari lalu itu adalah hasil kerjasama Pejabat Hutan Daerah bertujuan mengekang dan mencegah sebarang aktiviti pembalakan haram atau kecurian apa jua khazanah negeri.

Beliau berkata, pelaksanaan operasi bersepadu itu diadakan setiap tahun dan akan diteruskan pada masa akan datang setelah berjaya membuahkkan hasil apabila lebih ramai orang awam tampil menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penerokaan dan pencerobohan hutan secara haram.